



Ruj. Kami : KKM.100-6/1/283 (29)  
Tarikh : 30 Jun 2022

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan,

### PENGGUNAAN SUBMODUL HRMIS BAGI PERMOHONAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN BAGI MENGGANTIKAN SISTEM PERMOHONAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA (SPPKN)

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara tersebut di atas dan surat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) rujukan KKM.100-6/1/283 (3) bertarikh 25 Oktober 2019 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa KKM akan mengguna pakai Modul Pengurusan Saraan, Faedah & Ganjaran – Submodul Kemudahan Lain dalam Portal HRMIS bagi menggantikan Sistem Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara (SPPKN) dan permohonan secara manual untuk perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian **mulai 1 Julai 2022**. Namun, kelonggaran permohonan secara manual dibenarkan kepada pegawai yang tidak mempunyai sandangan HRMIS seperti pegawai dan kakitangan kontrak, pinjaman, penempatan secara sementara dan pegawai yang memerlukan kelulusan *inter-agency*.

( Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



3. Selain itu, memandangkan Submodul HRMIS bagi permohonan perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian **tiada peranan Pegawai Penyokong** sepertimana ketetapan KKM melalui surat bertarikh 25 Oktober 2019, pemilik kompetensi (pemohon) perlu memuat naik dokumen sokongan Pegawai Penyokong ketika memohon perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian dalam Submodul HRMIS. Format borang sokongan Pegawai Penyokong adalah seperti di **Lampiran A**.

4. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pelulus untuk memastikan hanya permohonan yang telah disokong oleh Pegawai Penyokong sahaja diberi kelulusan. Pegawai Pelulus juga perlu memastikan butiran kemudahan insurans perjalanan turut disertakan semasa mempertimbangkan permohonan pemohon ke luar negara atas urusan persendirian. Perincian fungsi peranan pemohon, pelulus dan pentadbir tuntutan insurans adalah seperti di **Lampiran B**.

5. Turut disertakan soalan-soalan lazim atau *frequently asked questions* (FAQs) bagi permohonan perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian dalam Submodul HRMIS seperti di **Lampiran C**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung penggunaan Submodul HRMIS bagi permohonan perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian, pihak YBhg. Datuk/Dato'/ YBrs. Dr./Tuan/Puan boleh berhubung melalui e-mel dan talian telefon seperti di bawah:

Bil.	Isu Berkaitan	E-mel	No. Telefon
i.	Isu Dasar	<a href="mailto:urusetia_luarnegara@moh.gov.my">urusetia_luarnegara@moh.gov.my</a>	03-8883 2832 03-8883 3218 03-8883 3036
ii.	Isu Teknikal	<a href="mailto:helpdesk_hrmis@moh.gov.my">helpdesk_hrmis@moh.gov.my</a>	03-8883 2418 03-8883 2704 03-8883 2703 03-8883 2650

6. Perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara di atas adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(THEAN MING FATT)**

Bahagian Khidmat Pengurusan  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k :

1. Ketua Setiausaha
2. Ketua Pengarah Kesihatan
3. Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
5. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
6. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

## **SENARAI EDARAN DALAMAN**

1. Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Pergigian
2. Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Farmasi
3. Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan
4. Setiausaha Bahagian Kanan Pembangunan
5. Setiausaha Bahagian Sumber Manusia
6. Setiausaha Bahagian Kewangan
7. Setiausaha Bahagian Pembangunan Kompetensi
8. Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat
9. Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan
10. Setiausaha Bahagian Dasar & Hubungan Antarabangsa
11. Setiausaha Bahagian Perolehan & Penswastaaan
12. Setiausaha Bahagian Akaun
13. Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
14. Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
15. Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
16. Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit
17. Pengarah Bahagian Perancangan
18. Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
19. Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
20. Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

21. Pengarah Bahagian Pemakanan
22. Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari
23. Pengarah Bahagian Kejururawatan
24. Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan
25. Pengarah Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
26. Penasihat Undang-Undang
27. Ketua Audit Dalam
28. Ketua Unit Integriti
29. Ketua Unit Komunikasi Korporat

## **SENARAI EDARAN LUAR**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Jalan Raja Syew Alwi  
01000 Kangar  
**PERLIS INDERA KAYANGAN**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah  
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah  
05400 Alor Setar  
**KEDAH DARUL AMAN**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
Jalan Resideni  
10450 Georgetown  
**PULAU PINANG**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak  
Jalan Koo Chong Kong  
30000 Ipoh  
**PERAK DARUL RIDZUAN**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya  
Jalan Cenderasari,  
**50590 KUALA LUMPUR**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
Tingkat 9, 10, 11, 14, 17 & 18  
No 1 Wisma Sunway  
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C  
Seksyen 9, 40100 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan  
Jalan Rasah, 70300 Seremban  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka  
Aras 3,4 dan 5 Wisma Persekutuan  
Jalan Business City, Bandar MITC  
75450 Ayer Keroh  
**MELAKA**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor  
Tingkat 3 & 4, Blok B  
Wisma Persekutuan  
Jalan Air Molek  
80590 Johor Bahru  
**JOHOR DARUL TAKZIM**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang  
Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota  
25582 Kuantan  
**PAHANG DARUL MAKMUR**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan  
Aras 5, Wisma Persekutuan Kota Bharu  
Jalan Bayam  
15590 Kota Bharu  
**KELANTAN DARUL NAIM**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Sultan Ismail  
20920 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU DARUL IMAN**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah  
Tingkat 1 & 3, Rumah Persekutuan  
Jalan Mat Salleh  
88590 Kota Kinabalu  
**SABAH**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak  
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako  
93050 Kuching  
**SARAWAK**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan  
Peti Surat 80832  
**87018 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Pengarah Hospital  
Hospital Kuala Lumpur  
Jalan Pahang  
**50586 KUALA LUMPUR**

Pengarah  
Institut Penyelidikan Perubatan  
Jalan Pahang  
**50588 KUALA LUMPUR**

Pengarah  
Institut Kanser Negara  
4, Jalan P7, Presint 7  
62250 Putrajaya  
**WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

Pengarah  
Institut Perubatan Respiratori  
Hospital Kuala Lumpur  
Jalan Pahang  
**50586 KUALA LUMPUR**



Pengarah  
Institut Kesihatan Umum  
Blok B5 & B6, Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH)  
No.1, Jalan Setia Murni U13/52, Seksyen U13 Setia Alam,  
40170 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Pengarah  
Institut Pengurusan Kesihatan  
Blok B1, Kompleks Institut Kesihatan Negara Jalan Setia Murni U13  
52, Seksyen U13, Setia Alam  
40170 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Pengarah  
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan  
Lot 36, Jalan Universiti (Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz)  
46200 Petaling Jaya  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Pengarah  
Pusat Kawalan Kusta Negara  
47000 Sungai Buloh  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Pengarah  
Pusat Penyelidikan Klinikal  
Tingkat 3, Blok Dermatologi  
Hospital Kuala Lumpur  
Jalan Pahang  
**50586 KUALA LUMPUR**

Pengarah  
Pusat Perubatan Nuklear dan Radioterapi  
Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah  
Karung Berkunci No. 187  
88996 Kota Kinabalu  
**SABAH**

Pengarah  
Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia  
No. 3, Jalan Sepoy Lines  
10450 Georgetown  
**PULAU PINANG**

Pengarah  
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan  
Kompleks NIH, Blok B3, Kompleks NIH  
No. 1, Jalan Setia Murni U13/52  
Seksyen U13, Setia Alam  
40170 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Pengarah  
Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan  
Blok B2, Kompleks Institut Kesihatan Negara  
No. 1, Jalan Setia Murni U13/52  
Seksyen U13, Setia Alam  
40170 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Pengarah  
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan  
Lot 1853, Kg. Melayu  
47000 Sungai Buloh  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

**LAMPIRAN A**

**BORANG PERAKUAN PEGAWAI PENYOKONG BAGI PERMOHONAN  
KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

<b>MAKLUMAT PEMILIK KOMPETENSI (PEMOHON)</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Butiran</b>	<b>Perincian</b>
i.	Nama	:
ii.	Jawatan	:
iii.	Jabatan/Bahagian/Institut	:
iv.	Tarikh Bercuti	:
v.	Lokasi Bercuti	:
vi.	Tujuan Bercuti	:

**MAKLUMAT PEGAWAI PENYOKONG**

Nama : .....

Jawatan : .....

Permohonan ke luar negara atas urusan persendirian oleh pemilik kompetensi (pemohon) seperti di butiran di atas:

Disokong

Tidak Disokong

**Ulasan Pegawai Penyokong:**

.....  
.....  
.....

Tandatangan : .....

Tarikh : .....

## LAMPIRAN B

### PERANAN PEMILIK KOMPETENSI (PEMOHON), PELULUS DAN PENTADBIR TUNTUTAN INSURANS BAGI PERMOHONAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN DALAM SUBMODUL HRMIS

BIL.	PERANAN	FUNGSI
1.	Pemilik Kompetensi (pemohon)	<ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="766 660 1428 772">i. Memastikan kelulusan Cuti Rehat (CR) diperolehi terlebih dahulu sekiranya perjalanan dibuat pada hari bekerja.</li><li data-bbox="766 795 1428 884">ii. Mendapat perakuan Pegawai Penyokong secara manual terlebih dahulu;</li><li data-bbox="766 907 1428 1064">iii. Mengunci masuk borang permohonan ke luar negara atas urusan persendirian dan memuat naik borang sokongan Pegawai Penyokong sebagai dokumen sokongan;</li><li data-bbox="766 1086 1428 1176">iv. Membuat tuntutan bayaran balik kemudahan insurans;</li><li data-bbox="766 1198 1428 1310">v. Menyemak status permohonan serta insurans dan sejarah permohonan ke luar negara;</li><li data-bbox="766 1332 1428 1377">vi. Mencetak rekod permohonan;</li><li data-bbox="766 1400 1428 1489">vii. Membuat pindaan borang permohonan (sekiranya perlu);</li><li data-bbox="766 1512 1428 1601">viii. Membuat pembatalan permohonan (sekiranya perlu); dan</li><li data-bbox="766 1624 1428 1780">ix. Mencetak kelulusan ke luar negara dan mengemukakan salinan tersebut kepada Unit Sumber Manusia Jabatan masing-masing untuk tujuan rekod.</li></ol>

<b>BIL.</b>	<b>PERANAN</b>	<b>FUNGSI</b>
2.	Pelulus	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="778 309 1434 376">i. Memastikan pemohon mengunci masuk maklumat insurans perjalanan;</li> <li data-bbox="778 416 1434 521">ii. Memastikan pemohon memuat naik borang perakuan Pegawai Penyokong sebagai dokumen sokongan; dan</li> <li data-bbox="778 562 1434 629">iii. Meluluskan/tidak meluluskan permohonan.</li> </ul>
3.	Pentadbir Tuntutan Insurans	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="778 669 1434 775">i. Menyemak dan membuat carian permohonan yang telah diluluskan untuk proses tuntutan insurans;</li> <li data-bbox="778 815 1434 882">ii. Mengemaskini status tuntutan insurans pemohon; dan</li> <li data-bbox="778 922 1434 990">iii. Memapar senarai tuntutan insurans yang diluluskan.</li> </ul>

## LAMPIRAN C

### **SOALAN-SOALAN LAZIM ATAU *FREQUENTLY ASKED QUESTIONS* (FAQS) BAGI PERMOHONAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN DALAM SUBMODUL HRMIS**

- S1. Apakah yang dimaksudkan perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian?
- J1. **Perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian adalah merupakan perjalanan bersifat peribadi dan bukannya melibatkan tugas rasmi. Sebagai contoh, bercuti ke luar negara, menziarah saudara mara di luar negara dan cuti haji/umrah atau lain-lain cuti yang memerlukan kelulusan cuti rehat terlebih dahulu.**
- S2. Bilakah tarikh penguatkuasaan pemakaian Submodul HRMIS bagi permohonan ke luar negara atas urusan persendirian di KKM?
- J2. **Pemakaian Submodul HRMIS bagi permohonan ke luar negara atas urusan persendirian akan dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2022. Namun, bagi tempoh peralihan, kelonggaran diberikan kepada pemilik kompetensi (pemohon) untuk mengguna pakai SPPKN atau memohon secara manual mengikut ketetapan pejabat masing-masing sehingga 31 Julai 2022 sahaja. Selepas tarikh tersebut, Submodul HRMIS perlu diguna pakai sepenuhnya.**
- S3. Adakah Sistem Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara (SPPKN) masih boleh diguna pakai selepas 1 Julai 2022?
- J3. **Dalam tempoh peralihan penggunaan SPPKN kepada Submodul HRMIS, kelonggaran diberikan kepada pemilik kompetensi (pemohon) untuk mengguna pakai SPPKN dalam tempoh satu (1) bulan sehingga 31 Julai 2022 sahaja. Selepas tempoh tersebut, SPPKN tidak lagi digunakan dan akan dimansuhkan.**
- S4. Apakah kelulusan perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian yang telah diluluskan dalam SPPKN selepas 1 Julai 2022 masih terpakai?
- J4. **Kelulusan perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian yang telah diluluskan melalui SPPKN bagi perjalanan selepas tarikh 1 Julai 2022 adalah masih terpakai dan pemohon tidak perlu mengemukakan permohonan baharu melalui HRMIS.**

- S5. Siapa Pegawai Pelulus bagi permohonan ke luar negara atas urusan persendirian?
- J5. Pegawai Pelulus adalah pegawai yang telah diturunkan kuasa oleh Ketua Setiausaha KKM sepertimana yang dinyatakan dalam surat KKM bertarikh 25 Oktober 2019. Sekiranya Pegawai Pelulus bagi pemohon merentasi Kementerian lain, sebagai contoh, Pegawai Undang-Undang perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan di Jabatan Peguam Negara bagi permohonan perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian, maka permohonan tersebut perlu dikemukakan secara manual kepada Jabatan tersebut.**
- S6. Adakah peranan Pegawai Penyokong yang dinyatakan dalam surat KKM bertarikh 25 Oktober 2019 tidak lagi diperlukan bagi permohonan ke luar negara atas urusan persendirian?
- J6. Peranan Pegawai Penyokong masih diperlukan sepertimana ketetapan dalam surat KKM bertarikh 25 Oktober 2019. Pemohon hendaklah memuat naik surat perakuan Pegawai Penyokong sebagai dokumen sokongan ketika mengunci masuk permohonan ke luar negara atas urusan persendirian.**
- S7. Adakah penggunaan Submodul HRMIS ini akan terpakai kepada kakitangan kontrak, pegawai pinjaman dan penempatan sementara di KKM?
- J7. Bagi pemohon yang tidak mempunyai sandangan HRMIS seperti pegawai dan kakitangan kontrak, pinjaman, penempatan secara sementara dan pegawai yang memerlukan kelulusan *inter-agency*, permohonan secara manual adalah dibenarkan.**
- S8. Apakah cuti rehat perlu diluluskan terlebih dahulu sebelum pemohon mengunci masuk permohonan perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian?
- J8. Ya. Pemohon perlu mendapatkan kelulusan cuti rehat terlebih dahulu sebelum mengunci masuk permohonan ke luar negara atas urusan persendirian sekiranya membuat perjalanan pada hari bekerja.**
- S9. Adakah cuti haji atau cuti umrah atau cuti bagi tujuan keagamaan perlu juga memohon perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian?
- J9. Ya, pemohon perlu mendapatkan kelulusan cuti haji/umrah/keagamaan terlebih dahulu sebelum mengunci masuk permohonan ke luar negara atas urusan persendirian.**

- S10. Sekiranya perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian dibuat semasa cuti umum, adakah permohonan cuti rehat perlu diperolehi terlebih dahulu?
- J10. **Pemohon tidak perlu memohon cuti rehat sekiranya perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian dibuat semasa cuti umum.**
- S11. Apakah yang dimaksudkan dengan *Blanket Approval* dalam permohonan perjalanan ke luar negara?
- J11. ***Blanket Approval* adalah kelulusan menyeluruh yang diberikan oleh Pegawai Pelulus kepada pegawai yang sering berulang-alik ke negara-negara bersempadan dengan Malaysia seperti Thailand, Singapura dan Brunei secara bertempoh dalam satu (1) tahun. Namun, kelonggaran kepada pegawai yang berulang alik ke Singapura dan Brunei dihadkan kepada enam (6) kali setahun, selebihnya perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan.**
- S12. Berapakah tempoh yang ditetapkan bagi pemohon mengemukakan permohonan ke luar negara atas urusan persendirian?
- J12. **Pemohon dinasihatkan untuk mengemukakan permohonan dengan lebih awal selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh perjalanan bagi membolehkan Pegawai Penyelia menyusun semula tugas semasa ketiadaan pemohon.**
- S13. Bolehkah permohonan ke luar negara atas urusan persendirian dikemukakan kurang daripada tempoh satu (1) bulan?
- J13. **Pemohon dinasihatkan untuk mengemukakan permohonan dengan lebih awal selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh perjalanan dibuat. Namun, sekiranya berlaku kecemasan atau permohonan ke luar negara dibuat kurang daripada tempoh tersebut, kelulusan adalah tertakluk kepada budi bicara Pegawai Pelulus.**
- S14. Adakah wajib kepada pemohon untuk membeli insurans bagi perjalanan ke luar negara walaupun tempoh perjalanan adalah pergi balik pada hari yang sama?
- J14. **Pemohon diwajibkan untuk membeli insurans walaupun tempoh perjalanan ke luar negara adalah pada hari yang sama. Ini bagi memastikan pemohon tersebut dilindungi ketika berada di luar negara atas urusan persendirian.**



- S15. Siapakah yang layak membuat tuntutan balik insurans bagi perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian?
- J15. Pegawai yang dilantik secara tetap, kontrak dan sementara adalah layak untuk membuat tuntutan bayaran balik insurans sekali setahun.**
- S16. Berapakah bayaran tuntutan balik kadar premium insurans yang boleh dimohon oleh pemohon bagi perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian?
- J16. Kadar premium insurans adalah terhad berdasarkan kadar premium negara yang dilawati sepertimana yang ditetapkan dalam surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) rujukan JPA(S)187/20 Jld. 18 (2) bertarikh 16 Januari 2019.**
- S17. Siapakah pentadbir insurans bagi permohonan ke luar negara atas urusan persendirian?
- J17. Ketua Jabatan boleh melantik mana-mana pegawai/kakitangan sebagai pentadbir insurans bagi urusan permohonan ke luar negara atas urusan persendirian.**
- S18. Sekiranya pemohon telah memiliki insurans ke, adakah masih perlu membeli insurans perjalanan ke luar negara?
- J18. Insurans perjalanan adalah berbeza dengan insurans perubatan dan pemohon adalah wajib membeli insurans perjalanan semasa berada di luar negara.**
- S19. Adakah perjalanan harian daripada Miri, Sarawak ke Limbang, Sarawak yang melalui negara Brunei perlu memohon perjalanan ke luar negara dalam Submodul HRMIS walaupun tiada transit di negara berkenaan?
- J19. Bagi perjalanan harian yang tidak melibatkan transit, pemohon hanya perlu memohon pas sempadan daripada Jabatan Imigresen Malaysia sahaja tanpa perlu mengemukakan permohonan perjalanan ke luar negara melalui Submodul HRMIS.**



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)**

*Deputy Secretary General (Management)*

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

*Ministry of Health Malaysia*

*Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA*

*Telefon : 03-88832540  
Fax. : 03-88895303*

Ruj. Kami : KKM.100-6/1/283( 3 )  
Tarikh : 25 Oktober 2019

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PERATURAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM KE LUAR NEGARA ATAS  
URUSAN PERSENDIRIAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang telah dimaklumkan melalui surat Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia bil 8 dlm. KKM.BKP100-2/11/1Jld.4 bertarikh 3 Disember 2012, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menurunkan kuasa kepada pegawai-pegawai pelulus yang telah dikenal pasti bagi meluluskan perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian.

3. Selaras dengan hasrat mengurangkan karenah birokrasi dan memperkemaskan proses penyampaian perkhidmatan, Ketua Setiausaha KKM telah bersetuju mengemaskini dan menyelaras semula penurunan kuasa tersebut. Sehubungan itu, senarai Pegawai Penyokong dan Pegawai Pelulus adalah seperti di Lampiran.

4. Dalam melaksanakan urusan tersebut, pemohon hendaklah mematuhi perkara-perkara yang dinyatakan dalam perenggan 6 (i) dan (ii) dalam Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2012 yang menyatakan:

- i. Pegawai mempunyai keupayaan kewangan yang mencukupi untuk ke Negara yang dilawati; dan
- ii. Lawatan tersebut tidak dibiayai oleh individu atau syarikat swasta yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa pegawai telah mengutamakan kepentingan peribadinya berbanding tugas awam pegawai atau membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas rasmi pegawai.

5. Bagi menjelaskan pelaksanaan peraturan di atas, disertakan **Garis Panduan Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian** sebagai rujukan dan tindakan di mana berkaitan. Semua Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital Kuala Lumpur dan Institusi bertanggungjawab merekod perjalanan ke luar negara bagi semua fasiliti di bawah tanggungjawab masing-masing dan menyimpan laporan lengkap.

6. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dikemukakan kepada:-

Urusetia Permohonan Perjalanan Luar Negara  
Unit Kewangan  
Cawangan Kewangan dan Pengurusan Aset  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Aras 8, Blok E7, Kompleks E  
62590 Putrajaya  
No. Tel: 03-8883 3036/3692/2841/2831/2874  
Emel: urusetia\_luarnegara@moh.gov.my

7. Bersama-sama ini disertakan **Surat Penurunan Kuasa Pegawai Pengawal kepada Pegawai Pelulus** yang telah dikenal pasti, berkuatkuasa mulai **15 Oktober 2019**. Dengan ini, surat penurunan kuasa Ketua Setiausaha KKM bertarikh 29 November 2012 adalah terbatal.

8. Sukacita dapat pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk memaklumkan perkara ini kepada semua penjawat awam di semua fasiliti di bawah tanggungjawab masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)**  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k:

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

LAMPIRAN

SENARAI PEGAWAI PENYOKONG DAN PEGAWAI PELULUS  
PERMOHONAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM KE LUAR NEGARA  
ATAS URUSAN PERSENDIRIAN

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat Ibu Pejabat	KPK/TKSU(P)/TKSU (K)/SUB Kanan (Pembangunan)/SUB (Dasar dan Hubungan Antarabangsa)/ Penasihat Undang-Undang/Ketua Cawangan Audit Dalam/Ketua Unit Komunikasi Korporat/ Ketua Unit Integriti	Tiada	KSU
	TKPK/Pengarah Kanan	KPK	KSU
	Setiausaha Bahagian/Pengarah Bahagian	Ketua Program	KSU
	Lain-Lain Jawatan (Gred Utama/Khas C dan Ke Atas)	Ketua Program	TKSU (P)
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Ibu Pejabat Gred 41-56	TSUB/ Timbalan Pengarah	SUB/ Pengarah Bahagian
Kumpulan Pelaksana di Ibu Pejabat Gred 40 dan ke bawah	Ketua Cawangan/ Seksyen/ Unit	SUB/ Pengarah Bahagian	

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat Institusi Khas*	Pengarah Institusi	Ketua Program	KSU
	Lain-Lain Jawatan (Gred Utama/Khas C dan Ke Atas)	Pengarah Institusi	Ketua Program
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-56	Ketua Cawangan/ Seksyen	Pengarah Institusi
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Ketua Cawangan/ Seksyen	Pengarah Institusi

\*IKN, IMR & PDN

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat HKL	Pengarah HKL	KPK	KSU
	Lain-Lain Jawatan (Gred Utama/Khas C dan Ke Atas)	Tiada	Pengarah HKL
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-56	Ketua Cawangan/ Unit/ Jabatan	Pengarah HKL
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Ketua Unit	Ketua Cawangan/ Jabatan

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat Hospital Wanita Kanak-Kanak Kuala Lumpur (HKL selaku JKN)	Pengarah HWKKKL	Timbalan Pengarah (Perubatan) HKL	Pengarah HKL
	Timbalan Pengarah HWKKKL	Pengarah HWKKKL	Pengarah HKL
	Lain-lain Jawatan (Gred Utama/Khas C dan ke atas)	Pengarah HWKKKL	Pengarah HKL
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 – 56	Timbalan Pengarah HWKKKL	Pengarah HWKKKL
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Timbalan Pengarah HWKKKL	Pengarah HWKKKL

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat Negeri / Hospital / Daerah dan di fasiliti bawahnya	Pengarah JKN	KPK	KSU
	Timbalan Pengarah JKN	Tiada	Pengarah JKN
	Pengarah Hospital	Timbalan Pengarah (Perubatan) JKN	Pengarah JKN
	Pegawai Kesihatan / Pergigian Daerah	Timbalan Pengarah JKN	Pengarah JKN
	Timbalan Pengarah Hospital	Pengarah Hospital	Pengarah JKN
	Lain-Lain Jawatan (Gred Utama/Khas C dan Ke Atas)	Timbalan Pengarah JKN/ Timbalan Pengarah (Perubatan) Hospital	Pengarah JKN / Pengarah Hospital
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-56	Timbalan Pengarah JKN/ Hospital / Daerah/ Fasiliti yang berkaitan	Pengarah JKN / Pengarah Hospital / Pegawai Kesihatan Daerah
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Timbalan Pengarah JKN/ Hospital / Daerah/ Fasiliti yang berkaitan	Pengarah JKN / Ketua Jabatan di Hospital / Pegawai Kesihatan Daerah

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat NIH dan institut penyelidikan di bawahnya	Pengarah NIH	Ketua Program	KSU
	Lain-Lain Jawatan (Gred Utama/Khas C dan Ke Atas)	Pengarah NIH	Ketua Program
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-56	Pengarah Institut/ Bahagian	Pengarah NIH
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Pengarah Institut/ Bahagian	Pengarah NIH

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat Kolej Pergigian	Pengarah Kolej Pergigian	Tiada	Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-56	Pengarah Kolej Pergigian	Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Ketua Unit/ Cawangan	Pengarah Kolej Pergigian

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat Institusi Latihan KKM	Pengarah Institusi Latihan	Tiada	SUB (BPL)
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-56	Pengarah Institusi Latihan	SUB (BPL)
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Timbalan Pengarah	Pengarah Institusi Latihan